

Perkhidmatan MRT Laluan SBK kurangkan 160,000 kenderaan ke pusat bandar

KUALA LUMPUR - Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menjangka penurunan 160,000 kenderaan persendirian memasuki Lembah Klang setiap hari apabila perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) beroperasi sepenuhnya mulai 17 Julai ini.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT, Datuk Najmuddin Abdullah optimis penggunaan perkhidmatan Laluan SBK sejauh 51 kilometer (km) itu dapat menangani masalah kesesakan lalu-lintas secara drastik di ibu kota.

"Apabila anggaran 400,000 penumpang guna Laluan SBK setiap hari, kami menjangka dapat mengurangkan 160,000 kenderaan di atas jalan setiap hari.

"Sebuah tren dengan empat gerabak boleh membawa 1,200 penumpang dengan selesa.

"Jika jumlah penumpang ini meninggalkan kereta masing-masing di rumah dan mengambil tren, bayangkan ruang kosong yang dapat diwujudkan di atas jalan, dan pemilik kenderaan dapat menjimatkan masa serta kos perbelanjaan," katanya, semalam.

Beliau berkata, hampir dua juta orang telah menggunakan perkhidmatan MRT sejak fasa pertama Laluan SBK melibatkan jarak sepanjang 21km dari Sungai Buloh

Najib puas hati kelancaran tren

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, menzahirkan rasa puas hati kelancaran perkhidmatan MRT Laluan SBK.

Najib berkata, beliau dan keluarga petang kelmarin berkesempatan meninjau serta mencuba sendiri tren fasa kedua MRT yang akan beroperasi sepenuhnya mulai 17 Julai ini.

"Secara keseluruhannya, saya puas hati dengan infrastruktur bertaraf dunia jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang ini yang dibangunkan, diusahakan ribuan anak tempatan sejak 2010.

"Kepada semua yang terlibat, berbanggalah dengan pencapaian anda. Imbas kembali segala pengorbanan tenaga, masa beristirahat bersama keluarga dan sahabat handai. Inilah hasil keringat dan air mata anda! Saya sendiri amat bangga dengan anda semua," katanya, semalam.

Menurutnya, kelancaran

ke Semantan, mula beroperasi Disember 2016.

Fasa dua Laluan Semantan-Kajang sepanjang 30km, melengkapkan jajaran MRT SBK, akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 17 Julai ini.

perkhidmatan MRT menidakkan dakwaan penduduk terutama di kawasan bandar bahawa projek MRT itu menjejaskan kawasan setempat.

"Ternyata perkara ini tidak benar, apabila kini ramai rakyat kita yang menerima manfaat kesalinghubungan lebih holistik," katanya.

Najib turut menegaskan, visi beliau adalah melihat sistem pengangkutan moden yang bukan sahaja boleh menghubungkan seluruh kawasan Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Putrajaya tetapi juga sebuah sistem yang boleh digantung harap tahap efisiennya.

"Tahukah anda, tren kita mempunyai kadar frekuensi yang tinggi iaitu kira-kira 3.3 minit pada waktu puncak untuk setiap tren dan berupaya menampung kapasiti 1,200 orang pada satu masa?," katanya. - *Bernama*

Bagi kemudahan pemilik kenderaan, Najmuddin berkata, MRT menyediakan 14 tempat letak kereta bertingkat dan terbuka dengan 8,000 petak di stesen-stesen sepanjang Laluan SBK bagi menggalakkan lebih ramai orang guna



Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor merasai sendiri pengalaman menaiki pengangkutan awam bagi menguji keberkesanan fasa kedua sistem MRT, kelmarin.

perkhidmatan itu untuk berulang-alik ke pusat bandar.

Menurutnya, sebanyak 300 bas pengantara akan beroperasi bagi membawa orang ramai ke stesen berdekatan.

"Satu lagi faktor yang akan menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan ini ialah faktor tambang berpatutan.

"Bayangkan jika anda memandu dari Sungai Buloh ke Kajang dari segi masa, kos petrol, tol serta tekanan yang anda perlu lalui tetapi dengan menggunakan perkhidmatan MRT, anda mendapat banyak faedah dari segi ekonomi, penjimatan kos dan masa, serta kurang stres dan dapat

melakukan perjalanan dengan selesa," katanya.

Secara keseluruhan, Laluan SBK mempunyai 31 stesen dengan 19 stesen baharu bagi fasa kedua laluan Semantan-Kajang. Tujuh daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Stesen laluan Semantan-Kajang terletak di Muzium Negara, Pasar Seni, Bukit Bintang, Tun Razak Exchange Centre, Maluri, Cochrane, Taman Pertama, Taman Midah, Taman Connaught, Taman Mutiara, Suntext, Sri Raya, Bandar Tun Hussein Onn, Batu 11, Cheras, Bukit Dukung, Sungai Jernih, Merdeka, Stadium Kajang dan stesen Kajang. - *Bernama*